Cinta dan kasih sayang umpama mentari



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaitonmohamad@yahoo.com

AHAYANYA boleh dilihat oleh sesiapa sahaja yang mempunyai mata. Bersyukurlah jika kelembutan itu ada dalam rumah tangga kita kerana itu petanda kebaikan masih bersama kita. Malangnya kini kita sering terdengar betapa kelembutan itu semakin hilang. Tutur kata yang kasar, bahasa yang kesat dan suara yang tinggi sudah semakin menjadi lumrah antara suami isteri.

sudah semakin menjadi lumrah antara suami isteri. Malah ada di kalangan manusia yang semakin lupa bahawa sifat lemah lembut itu bukan sahaja diperlukan di dunia malah diperlukan juga di akhirat kerana pernah Nabi Muhammad SAW bersabda bahawa 'mahukah aku khabarkan kepada kalian tentang orang yang diharamkan dari neraka atau neraka diharamkan ke atasnya? Iaitu atas setiap orang yang menghampiri (orang lain) dengan lemah lembut lagi memudahkan. Malah kebanyakan kes yang berlaku dalam pergaduhan juga bermula dengan tutur kata yang kasar dan kurang sopan.Kita hanya merosakkan diri sendiri dengan bahasa yang kasar berbanding orang yang kita tujukan kata-kata itu. Bahasa yang kasar datang daripada kebencian. Sesungguhnya kebencian itu akan merosakkan diri sendiri berbanding dengan orang yang kita benci. Sebaliknya jika bahasa kita baik, itu datang daripada rasa cinta. Dan cinta itu akan memberikan kebaikan kepada diri sebanyak mana yang akan diterima oleh orang yang kita cintai.

Lantaran itu dalam pergaulan seharian sama ada di rumah mahupun di tempat kerja perlulah lebih menekankan kesopanan dan kelembutan. Janganlah memperdengarkan jeritan dan kerana bahasa menunjukan jiwa bangsa. Malah bahasa itu boleh menggambarkan jiwa. Walaupun sifat hati tidak ketara, tetapi kata-kata akan membuka rahsia. Jika hati baik, tutur kata menjadi lembut, bahasa menjadi indah dan nadanya menjadi merdu. Jika hati jahat, tutur kata akan menjadi keras, bahasa menjadi kasar dan nadanya juga akan menjadi

bercelaru.

Justeru itu dalam melatih diri untuk menjadi insan yang mempunyai tutur kata yang lembut maka secara psikologinya personaliti dan pembawaan diri juga perlu berubah. Ini disebabkan orang yang mempunyai karektor diri yang kasar sukar untuk memulakan percakapan dalam pergaulan dengan tutur kata yang lembut. Justeru itu perubahan karektor akan memberikan kesukaran dalam hidupnya. Malah bukan sekadar karektor yang perlu berubah sebaliknya hatinya yang keras juga perlu dibersihkan untuk memudahkan kelembutan dalam setiap perkara.

Sehubungan itu, Allah juga telah berfirman yang bermaksud 'berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendahkan diri dan suara yang lembut. Sesungghnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas. Dan janganlah kamu membuat kerosakan di atas muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepadaNya dengan takut (tidak akan diterima) dan harapan (supaya dimakbulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang yang berbuat baik.'

Allah amat dekat kepada orang yang berbuat baik.'
Lantaran itu hantarlah pakej komunikasi yang sepadu dengan rasa kasih sayang, empati dan cinta supaya hidup penuh dengan kebahagiaan dan keharmonian. Bukan sekdar dalam hubungan suami isteri, kekeluargaan malah juga kepada masyarakat sejagat. Nescaya perpaduan antara semua kaum akan terjalin utuh dan tidak akan ada caci mencaci dan kata-kata nista yang berlaku. Malah pergolakan politik dan perbezaan ideologi yang dipegang juga mencetuskan huru hara sekiranya ketidakwujudan kelembutan dalam tingkahlaku dan pemikiran. Justeru itu sebagai insan yang dibekalkan daya pemikiran yang kreatif dan sihat mental dan fizikal sudah tentu menginginkan kehidupan yang aman damai. Lantaran itu penuhilah jiwa-jiwa kita dengan penuh kelembutan supaya hati mempunyai tenaga dan hasrat untuk berkomunikasi dengan tulus, telus dan harmoni.

^{*} Penulis adalah Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS